



# GIATMARA MALAYSIA

<b>PKUD</b>	<b>MODUL</b>	<b>MENERBIT LAMAN WEB</b>	<b>KOD : -</b>
	<b>ELEMEN</b>	-	<b>MUKA SURAT</b> 1/15

## KANDUNGAN

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1	Kandungan	1
2	Objektif Pembelajaran	2
3	Pengenalan	3
4	Mendaftar Hos Laman Web	3
5	Mendaftar Nama Laman Web	4
6	Upload Fail Ke Hos Laman Web	5
7	Pendaftaran Hos Laman Web Percuma	6
8	Melayari Laman Web Anda	15



PKUD	MODUL	MENERBIT LAMAN WEB	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 3/15

## **PENGENALAN**

Setelah anda siap membangunkan laman web anda, tugas seterusnya adalah untuk mendapatkan tempat yang sesuai untuk meletakkan laman web anda di internet, supaya ianya boleh dilayari oleh pengguna internet seluruh dunia. Berikut merupakan langkah-langkah yang perlu anda ikuti untuk menerbitkan laman web anda di internet:

- Anda perlu mendapatkan ruang penyimpanan hos laman web (website host), untuk anda meletakkan (upload), laman web anda di internet.
- Anda juga perlu mendapatkan “Nama Domain” untuk laman web anda, supaya ianya boleh dilayari oleh pengguna. Contoh “Nama Domain” adalah seperti [www.borneofilms.com](http://www.borneofilms.com), [www.fairulamir.com.my](http://www.fairulamir.com.my), dan [www.time.net.my](http://www.time.net.my). Anda perlu mendaftar organisasi tertentu untuk mendapatkan “Nama Domain” tersebut.
- Setelah mendapat “Nama Domain”, anda perlu memuat naik (Upload) laman web anda ke hos laman web menggunakan program File Transfer Protocol (FTP).

## **MENDAFATAR HOS LAMAN WEB**

Terdapat banyak penyedia-penyedia hos laman web yang ada, samada ianya berbayar atau percuma. Anda perlu memilih hos laman web yang betul untuk laman web anda. Sekiranya anda membangun laman web peribadi atau perniagaan secara kecil-kecilan, hos laman web yang sesuai adalah yang percuma. Tetapi, sekiranya anda membangunkan laman web untuk suatu perniagaan yang besar atau secara professional, hos laman web yang sesuai adalah yang berbayar. Berikut merupakan penyedia-penyedia hos laman web yang percuma:

- Yahoo.Geocities ([www.geocities.com](http://www.geocities.com)).
- Tripod ([www.tripod.com](http://www.tripod.com))
- Angelfire ([www.angelfire.com](http://www.angelfire.com)).
- NewMalaysia ([www.newmalaysia.com](http://www.newmalaysia.com)).
- TimeNet ([www.time.net.my](http://www.time.net.my))

Sekiranya anda menggunakan hos laman web yang percuma, laman web yang anda “uploadkan” pada kebiasaannya akan ditambahkan banner yang mengiklankan produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan penaja hos laman web anda. Namun, kos menyewa hos laman web adalah agak tinggi iaitu dari serendah RM600.00 ke atas bagi setahun, mengikut jumlah ruang hos laman web yang anda gunakan.



PKUD	MODUL	MENERBIT LAMAN WEB	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 4/15

## MENDAFTAR NAMA LAMAN WEB

Setiap laman web yang telah ditempatkan di internet, mestilah mempunyai nama domainnya. Disebalik nama domain yang unik dan mudah dikenali oleh pengguna seperti [www.yahoo.com](http://www.yahoo.com), terdapatnya alamat protocol Internet (IP) seperti 192.112.223.99. Komputer hanya memahami alamat dalam bentuk IP sahaja.

Sebuah Pelayan Nama Domain (DNS) akan memetakan nama domain ke alamat IP. Pelayan ini menerima nama domain, sebagaimana pengunjung menaipnya, dan memeriksa samada alamat IP ada didaftarkan dan menghantar ke komputer yang berkenaan. Biasanya pembekal perkhidmatan internet (ISP) ada mempunyai Pelayan Nama Domain. Untuk mendaftarkan nama laman web anda, terdapat kos-kos tertentu mengikut yang dikenakan oleh syarikat pembekal perkhidmatan internet anda setiap tahun. Berikut disenaraikan jenis-jenis domain yang boleh didapati:

- .com  
Untuk pengguna komersial.
- .net  
Pembekal jaringan
- .edu  
Pendidikan
- .org  
Organisasi yang tidak berasaskan keuntungan
- .gov  
Kerajaan
- .mil  
Tentera

*\*Untuk negara-negara yang berbeza, satu lagi set nama di tambahkan di bahagian belakang nama domain, seperti .my (Malaysia), .sg (Singapura) dan .jp (Jepun).*



PKUD	MODUL	MENERBIT LAMAN WEB	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 5/15

## **UPLOAD FAIL KE HOS LAMAN WEB**

Untuk upload file dari komputer anda ke hos laman web, anda memerlukan sebuah program khas yang di namakan File Transfer Protocol (FTP). Antara program FTP yang biasa digunakan adalah Cute FTP, Ace FTP, dan FTP Voyager. Anda boleh membeli perisian ini atau memuat turun secara percuma di laman-laman web shareware. Antara laman web yang mempunyai kemudahan memuat turun perisian ini adalah [www.simtel.net/simtel.net](http://www.simtel.net/simtel.net) dan [www.hotfiles.com](http://www.hotfiles.com).

Walaupun anda memerlukan FTP untuk upload file anda ke hos laman web, namun bagi mereka yang menggunakan hos laman web seperti Yahoo.Geocities dan Tripod, mereka telah menyediakan sebuah program khas yang dinamakan File Manager untuk menjalankan fungsi-fungsi FTP.




PKUD	MODUL	MENERBIT LAMAN WEB	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 6/15

## PENDAFTARAN HOS LAMAN WEB PERCUMA

Untuk tujuan pembelajaran, kita akan menggunakan hos laman web percuma yang dibekalkan oleh Yahoo.Geocities. Berikut merupakan langkah-langkah yang diperlukan untuk mendaftar hos laman web percuma anda:

1. Masuk ke web server <http://geocities.yahoo.com>.
2. Anda akan dipaparkan dengan paparan berikut:



3. Pada bahagian GeoCities FREE, klik pada butang <Sign Up>.
4. Paparan berikut akan menyusul:



# GIATMARA MALAYSIA

PKUD	MODUL	MENERBIT LAMAN WEB	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 7/15

To access Yahoo! GeoCities...  
you need a Yahoo! ID.

**Don't have a Yahoo! ID?**  
Signing up is easy.

[Sign Up](#)

---

**Already have a Yahoo! ID?**  
Sign in.

Yahoo! ID:

Password:

Remember my ID on this computer

[Sign In](#)

MODE: Standard | Secure  
[Forget your ID or password?](#)  
[Sign-in help](#)

5. Pada paparan ini, anda sekali lagi perlu klik pada bahagian <Sign Up>.
6. Seterusnya sebuah borang untuk anda masukkan butiran diri anda dipaparkan seperti berikut:

**YAHOO! GEOCITIES** [Yahoo! - Help](#)

Already have an ID or a Yahoo! Mail address? [Sign In.](#)

Fields marked with an asterisk \* are required.

**Create Your Yahoo! ID**

\* First name:

\* Last name:

\* Preferred content:  [?](#)

\* Gender:

\* Yahoo! ID:   
ID may consist of a-z, 0-9 and underscores.  
[Check Availability of This ID](#)

\* Password:   
Six characters or more, capitalization matters!

\* Re-type password:

Yahoo! Mail:  Create my free Yahoo! email address.  
Your address will be the ID you've chosen followed by @yahoo.com.

**If You Forget Your Password...**

\* Security question:

\* Your answer:   
Four characters or more. Make sure your answer is memorable for you but hard for others to guess!


\* Birthday:    [?](#)



## GIATMARA MALAYSIA

PKUD	MODUL	MENERBIT LAMAN WEB	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 8/15

7. Anda perlu mengisi setiap ruangan dengan butiran yang dikehendaki.
8. Pada bahagian Yahoo ID, anda perlu masukkan nama yang unik bagi mewakili web anda. Ianya akan menjadi sebahagian daripada alamat laman web anda. Pastikan anda memasukkan nama yang pendek tetapi bermakna untuk laman web anda. Ianya untuk memastikan alamat laman web anda tidak terlalu panjang.
9. Setelah memasukkan nama yang sesuai, klik pada <Check Availablity Of The ID>. Ini untuk memastikan nama itu masih belum digunakan oleh mana-mana pihak lagi. Sekiranya ianya sudah digunakan anda perlu mencari nama lain dan masukkannya sekali lagi.



10. Sekiranya nama tersebut masih belum digunakan oleh mana-mana pihak lagi, sebuah paparan seperti di atas akan dipaparkan. Anda hanya perlu klik pada <Continue Registration With This ID>. Anda perlu meneruskan mengisi borang yang belum lengkap itu tadi.
11. Dihujung borang tersebut, terdapat ruangan 'Verify Your Registration' untuk anda mengisi kod yang dikehendaki mengikut kod yang telah diberi dibawahnya.




# GIATMARA MALAYSIA

PKUD	MODUL	MENERBIT LAMAN WEB	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 9/15

### Verify Your Registration

\* Enter the code shown:  [More info](#)

This helps Yahoo! prevent automated registrations.



### Terms of Service

Please review the following terms and indicate your agreement below. [Printable Version](#)

1. ACCEPTANCE OF TERMS  
Yahoo! Inc. ("Yahoo!") welcomes you. Yahoo! provides its service to you, subject to the following Terms of Service (TOS), which may be

By clicking "I Agree" you agree and consent to (a) the Yahoo! [Terms of Service](#) and [Privacy Policy](#), and (b) receive required notices from Yahoo! electronically.

12. Setelah itu klik pada butang <I Agree>. Sebuah paparan selamat datang yang menandakan pendaftaran telah lengkap dipaparkan.

## YAHOO! GEOCITIES

[Yahoo! - Help](#)

### Registration Completed: Welcome giat\_bp!

➤ A confirmation message has been sent to the Email Address you provided. Please read the email and follow the instructions to fully activate your account.

We also recommend that you [print out this page](#) for future reference.

Your Yahoo! ID:  
**giat\_bp**

Your Yahoo! Mail Address:  
**giat\_bp@yahoo.com**

➤ If you forget your password you will be asked for the following information.

Security Question:  
What is your pets name?      Date of Birth:  
January 21, 1971

Your Answer:  
sihitam      ZIP/Postal Code:  
83000

➤ Your Marketing Preferences: Select and customize the categories of communications you receive about Yahoo! Products and services. You can also choose to opt-out of each. [Edit Marketing Preferences](#)

[Make Yahoo! Your Home Page](#)



# GIATMARA MALAYSIA

PKUD	MODUL	MENERBIT LAMAN WEB	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 10/15

- Setelah itu klik pada butang <Continue To Yahoo! Geocities>. Seterusnya anda dikehendaki menyambung mengisi butiran yang dikehendaki.
- Diakhir borang itu, sekali lagi anda dikehendaki masukkan kod yang diberi diruangannya seperti dibawah:

Nonprofit organization  
 Small business

**2. How did you learn about GeoCities Free?**

Internet search  
 Yahoo! front-page link  
 Advertisement on Yahoo!  
 News article or program  
 Friend, family member, or colleague

**3. To verify your registration — showing us that you're you, and not a computer — please retype the following code in the field provided.**

**XUZ4TX**

(This helps Yahoo! prevent automated registrations.)

Enter the code shown:  [More info](#)

**Web Hosting STARTER**

**\$11.95** per month   
(+\$25 setup fee WAIVED!) [Learn more.](#)

- Your own domain name (www.widgetdesigns.com)
- 5 email addresses (you@widgetdesigns.com)
- Enough storage for high-resolution pictures and music files

- Domain name and 25 email addresses
- Easy-to-use design software
- 380+ web site templates
- Significantly more storage and bandwidth for a high-traffic site
- 24-hour phone support

- Setelah memasukkan kod yang dikehendaki, anda perlu klik pada butang <Submit> untuk meneruskan proses pendaftaran anda.
- Sebuah paparan yang menyatakan nama laman web anda, akan dipaparkan.

**YAHOO! GeoCities** [Yahoo!](#) - [Account Info](#) - [Help](#) - [Sign Out](#)

Welcome, **giat\_bp**  
geocities.com/giat\_bp **GeoCities Free**

**Welcome to Yahoo! GeoCities**

We just sent you a confirmation email explaining everything you need to know to build your very own web site. Be sure to **write down your Yahoo! ID and password** for future reference.

Your Yahoo! ID and Home Page Information	
Your Yahoo! ID is:	<b>giat_bp</b>
Your home page URL shortcut is:	<a href="http://www.geocities.com/giat_bp">http://www.geocities.com/giat_bp</a>

**Build your web site now!**

Copyright © 2005 Yahoo! Inc. All rights reserved.  
[Privacy Policy](#) - [Copyright Policy](#) - [Guidelines](#) - [Terms of Service](#) - [Help](#)



PKUD	MODUL	MENERBIT LAMAN WEB	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 11/15

17. Klik pada <Build Your Web Site Now!>. Anda akan pula dipaparkan dengan paparan berikut:

The screenshot shows the Yahoo! GeoCities homepage for user 'giat\_bp'. The main navigation bar includes 'Welcome, giat\_bp' and the URL 'http://www.geocities.com/giat\_bp'. Below the navigation, there are several sections: 'Web Site Accounts' with an 'Add New Service' button; 'My Service' with links to 'View My Site' and 'Service Announcements'; 'Getting Started' with instructions on how to begin creating a site; 'Resources' with a link to 'City Directories'; 'Build My Web Site' with sub-sections for 'Yahoo! PageWizards' and 'Yahoo! PageBuilder'; 'Enhance My Web Site' with a link to 'Web Site Add-Ons'; 'Member Pages Directory' with a search box; 'Search GeoCities Help' with a search box; and 'Advanced Toolbox' with links to 'File Manager', 'Easy Upload', 'HTML Editor', and 'Site Statistics'.

18. Seterusnya anda perlu klik pada <Easy Upload> yang terdapat disebelah kanan paparan. Paparan berikut akan dipaparkan di skrin anda:

The screenshot shows the 'Easy Upload' page on the Yahoo! GeoCities website. The page title is 'Welcome, giat\_bp' and the URL is 'http://www.geocities.com/giat\_bp'. The page is titled 'Easy Upload' and provides instructions on how to transfer files from a computer to the main directory. A 'Note' states that file names cannot contain spaces and the total upload can be up to 5MB. There are four 'Browse...' buttons for selecting files. Below the buttons, there is a 'Number of Files to Upload' dropdown menu set to '5' and a 'Display' button. At the bottom, there are 'Upload Files' and 'Clear' buttons. On the right side, there is a promotional box for 'GeoCities Free' with a 'Setup Fee Waived! Limited time offer' button.



# GIATMARA MALAYSIA

PKUD	MODUL	MENERBIT LAMAN WEB	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 12/15

- Disinilah bermulanya masa anda memindahkan fail laman web anda dari komputer anda ke dalam hos laman web anda. Untuk berbuat demikian anda perlu klik pada <Browse> untuk membuka direktori di dalam komputer anda, iaitu tempat di mana fail laman web anda di simpan untuk di salin pindah ke hos laman web.
- Pastikan pada bahagian <Automatically Convert Filenames To Lowercase> dan <Automatically Change “.htm” Extensions To “.html”> ditandakan.
- Klik pada butang <Upload Files>. Sebuah paparan yang menandakan fail telah berjaya di salin pindah dipaparkan seperti berikut:

Welcome, giat\_bp

## File Manager

[Home](#) > [File Manager](#) > [Easy Upload](#) > Results

### Upload results

**index.html**

- Uploaded successfully

[Upload More Files](#)

[File Manager](#)

**Need more storage? Upgrade** and get more storage for your music, photos and videos

- Seterusnya, klik pada <File Manager>. Disini anda boleh melihat fail-fail laman web anda yang telah anda upload. Perhatikan, terdapat dua fail index di dalam file manager ini. Satu yang telah diberi oleh hos laman web anda secara “default”, dan satu lagi yang baru anda “uploadkan”. Anda perlu padam fail “index.htm” yang diberi oleh hos laman web anda untuk mengelakkan konflik semasa pengguna melayari laman web anda.



<b>PKUD</b>	<b>MODUL</b>	<b>MENERBIT LAMAN WEB</b>	<b>KOD : -</b>
	<b>ELEMEN</b>	-	<b>MUKA SURAT</b> 13/15

Your site: [http://www.geocities.com/giat\\_bp](http://www.geocities.com/giat_bp)

New Edit Copy Rename Delete checked files

	Name	Last Modified (GMT)
<input checked="" type="checkbox"/>	index.htm <a href="#">View</a>	Aug 29 09:27am
<input type="checkbox"/>	index.html <a href="#">View</a>	Aug 29 09:37am

[Check All](#) - [Clear All](#) = Subdirec

New Edit Copy Rename Delete checked files

23. Tandakan diruangan “index.htm”, kemudian klik butang <Delete>. Sebuah paparan seperti berikut akan dipaparkan di skrin anda.

### Delete Files

*Are you sure you want to delete the listed file(s)?*

index.htm

Delete Files Cancel

24. Klik butang <Delete Files> untuk memadam fail tersebut. Anda seterusnya akan dipaparkan dengan paparan berikut. Paparan tersebut menunjukkan fail telah dipadam.

**index.htm was successfully deleted.**

Your site: [http://www.geocities.com/giat\\_bp](http://www.geocities.com/giat_bp)

New Edit Copy Rename Delete checked files

	Name	Last Modified (GMT)
<input type="checkbox"/>	index.html <a href="#">View</a>	Aug 29 09:37am

[Check All](#) - [Clear All](#) = s

New Edit Copy Rename Delete checked files



## GIATMARA MALAYSIA

PKUD	MODUL	MENERBIT LAMAN WEB	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 14/15

25. Pada peringkat ini, menandakan proses memuat-naik (upload) laman web anda telah selesai. Sekiranya dimasa lain anda ingin menambah atau meminda laman web anda, anda hanya perlu masuk ke bahagian "File Manager" untuk proses menambah atau memadam helaian laman web anda (Kemaskini).

26. Proses terakhir adalah untuk "Sign Out" dari "File Manager" tersebut. Anda perlu klik pada perkataan <Sign Out>, yang terdapat di sudut atas sebelah kanan skrin paparan anda.

[Yahoo!](#) - [Account Info](#) - [Help](#) - [Sign Out](#)

27. Setelah itu anda akan dipaparkan dengan skrin pengesahan bahawa anda telah benar-benar telah "Sign Out" dari "File Manager" tersebut.

**YAHOO!** GEOCITIES

[Yahoo!](#) - [Help](#)

**You have signed out of the Yahoo! network.**

[Return to Yahoo! GeoCities](#)

[Sign in as a different user](#)



# GIATMARA MALAYSIA

PKUD	MODUL	MENERBIT LAMAN WEB	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 15/15

## MELAYARI LAMAN WEB ANDA

Setelah melalui pelbagai kaedah yang agak sulit, kini laman web anda telah sedia untuk dilayari oleh pengguna diseluruh dunia. Kaedah melayari laman anda adalah seperti berikut:

1. Klik pada ikon <Internet Explorer> anda.



2. Pada bahagian "Address" masukkan nama laman web anda.



3. Setelah itu tekan kekunci <Enter> yang terdapat di atas papan kekunci anda. Laman web anda pastinya akan dipaparkan di skrin anda sekarang.



## PUSAT GIATMARA BATU PAHAT, JOHOR

### OBJEKTIF PENUBUHAN

1. Memberi pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai jenis dan tahap ketukangan yang berteraskan kepadamasyarakat tempatan mengikut perkembangan teknologi serta keperluan semasa.
2. Menambah bilangan guna tenaga mahir dalam pelbagai bidang dan tahap kemahiran untuk sektor perdagangan dan perindustrian bagi memenuhi keperluan negara dalam memuju wawasan 2020.
3. Mewujudkan bakal-bakal usahawan teknikal bumiputera.

### SYARAT-SYARAT KEMASUKAN



# GIATMARA MALAYSIA

PKUD	MODUL	MENERBIT LAMAN WEB	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 2/14

## OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Selepas daripada mengikuti modul ini, para pelatih/peserta kursus boleh melakukan kerja-kerja "Up Loading" laman web ke hos laman web yang berkaitan.



**GIATMARA MALAYSIA**